

▼23/09/18-35MST

CNS6490

R GB 23-09 00192 BC253

AAB

HAPUSKAN HALANGAN BAGI PERDAGANGAN BEBAS

Mahathir - Halangan

Dariapda: Abdul Rahman Sulaiman

I

DUBLIN, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, industri di negara kecil hendaklah bersedia dan dengan yakin meminta kerajaan masing-masing agar menghapuskan halangan demi untuk menjamin perdagangan bebas.

Langkah itu ialah satu-satunya cara untuk menyumbang ke arah satu sistem perdangan dunia yang liberal, katanya.

Semasa berucap pada majlis jamuan tengah hari anjuran bersama Lembaga Perdagangan Ireland dan Persekutuan Industri Ireland di sini, Perdana Menteri berkata, halangan pasaran walaupun akhirnya diwujudkan kerajaan namun ia tidak dimulakan oleh kerajaan.

Halangan seumpama itu pada amnya dimulakan atas permintaan pihak industri sendiri untuk kepentingan mereka sendiri, jelasnya.

+Bagaimanapun bagi negara dengan pasaran dalam negeri yang kecil seperti Malaysia dan Ireland, tindakan seumpama itu akan membawa padah kerana pasaran yang lebih besar akan bertindak balas.+

Dr Mahathir menggesa negara seumpama itu agar menganggap dunia sebagai pasaran mereka.

Dalam hubungan ini, Malaysia dan Ireland yang ekonomi mereka berorientasi dan bergantung kepada perdagangan asing, berkongsi kepentingan bersama untuk memastikan pembangunan sihat regim perdagangan antarabangsa yang liberal. -- Lagi.

▼23/09/23-55MST

CNS6492

R GB 23-09 00103 BC254

AAB

Mahathir - Halangan 2 (Akhir) Dublin

Perdana Menteri berkata, turut penting bagi negara kecil ialah untuk menggalakkan prinsip GATT dan berusaha memastikan kejayaan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala Pusingan Uruguay.

Mereka juga hendaklah berusaha untuk mengubah trend ke arah mewujudkan dasar perlindungan melalui blok-blok perdagangan.

Dr Mahathir berkata, beliau teringat akan ketika bila Malaysia mula hendak melibatkan diri dalam program perindustriannya dan tidak menyangka ia akan menghadapi pelbagai jenis halangan.

Mengenai Asean, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa pasaran negara anggota Asean akan kekal terbuka kerana semua negara berkenaan bergantung kepada perdagangan luar. -- Bernama.

▼23/09/23-58MST